



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

RM5,000 PERUNTUKAN BARU BAGI KOMUNITI PERWANI 1MALAYSIA DI LUAR NEGARA

DOHA, 23 Februari- Komuniti PERWANI 1Malaysia Luar Negara kini telah diperuntukkan sebanyak RM5,000 bagi program-program yang dianjurkan untuk tahun ini.

Perkara ini telah diumumkan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa Majlis Pelancaran Komuniti 1Malaysia Qatar hari ini.

"Peruntukan baru ini merupakan insentif kepada PERWANI di luar negara bagi memperhebatkan lagi penganjurkan program-program di kalangan mereka terutama sempena Tahun Memperkasa Wanita 2018", kata Rohani.

Komuniti 1Malaysia Qatar merupakan Komuniti PERWANI yang ketujuh di luar negara selepas di United Kingdom, Perancis, Australia, China, Amerika Syarikat dan Emiriah Arab Bersatu.

Sebanyak 20 Kumpulan PERWANI telah ditubuhkan dengan keahlian keseluruhan berjumlah 300 ahli yang terdiri daripada kalangan isteri-isteri pegawai-pegawai Kedutaan, *Malaysian Association Qatar* (MAQ), profesional, serta isteri-isteri rakyat Malaysia yang terlibat dengan syarikat-syarikat korporat dan swasta di Qatar.

Sejak PERWANI diperkenalkan bermula pada tahun 2013 sehingga Februari 2018, sebanyak 13,259 kumpulan PERWANI telah ditubuhkan di seluruh negara dan luar

negara dengan keahlian seramai 173,471 orang rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dengan setiap kumpulan terdiri daripada 10 hingga 20 orang.

YB Dato' Sri Rohani dalam ucapannya berkata "Penubuhan PERWANI berperanan untuk membantu mempromosi dan meningkatkan nama baik Malaysia serta memperkasa wanita dalam pelbagai aspek dengan mengadakan atau menyertai program kepimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan, pendidikan dan juga kesukanan yang akan dianjurkan dari semasa ke semasa. Bersempena Tahun Memperkasa Wanita 2018 diharapkan Komuniti PERWANI dapat bergerak aktif, memberikan sokongan dan kerjasama erat kepada KPWKM dalam melaksanakan program-program pemerdayaan wanita khususnya di Qatar.

Beliau turut berharap agar Komuniti PERWANI ini dapat membantu dalam mengembangkan penyertaan PERWANI di seluruh Qatar untuk memupuk sifat kesukarelawanan dan memberi peluang kepada mereka untuk bertindak sebagai agen transformasi di peringkat komuniti walaupun berada jauh di perantauan.

Turut dikongsi bersama ialah berkenaan dengan Tahun Memperkasa Wanita 2018 (TMW18) serta pelancaran Pertandingan video kreatif dan Pertandingan Laman Wanita sempena Tahun Memperkasa Wanita 2018. Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai wanita dan isteri perwakilan di Pejabat Perwakilan Malaysia di Doha serta delegasi daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Disediakan oleh;

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Aras 35, Persiaran Perdana PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088

E-mel : info@kpwkm.gov.my